



Academy of Language Studies
UiTM Cawangan Pulau Pinang

e-Lingua

2/2024



**MAY
2024**

- 
- ✓ Chief Editor's Desk 2 
 - ✓ News & Reports 3
 - ✓ Heads Over Meal 24
 - ✓ Art & Culture 30
 - ✓ Lecturer's Contribution 37
 - ✓ Creative Corner 48
 - ✓ The Team 52



News & Reports

<u>Ra Ra Hari Raya</u>	<u>4</u>
<u>Bengkel Perancangan Strategik</u>	<u>5</u>
<u>Abracadabra 6.0</u>	<u>7</u>
<u>Free Market 7.0</u>	<u>9</u>
<u>ICCE 2023</u>	<u>10</u>
<u>Cuppa Convo with Marni</u>	<u>11</u>
<u>I-RoLE 2023</u>	<u>13</u>
<u>Sparkle through Speech 3.0</u>	<u>14</u>
<u>MOU Signing with NEUC</u>	<u>17</u>
<u>Sparkle through Speech</u>	<u>18</u>
<u>Sparkle through Speech1.0</u>	<u>20</u>
<u>Penang Bridge Marathon</u>	<u>22</u>
<u>Round Island Relay</u>	<u>23</u>



Laporan Bengkel Perancangan Strategik UiTM CPP 2024

Oleh Muhammad Aiman Abdul Halim & Dr. Norhaslinda Hassan

Pada 4 hingga 6 Mac 2024, Dr. Norhaslinda Hassan selaku Ketua Pusat Pengajian dan En. Muhammad Aiman Abdul Halim selaku AJK Unit Strategik Transformasi Universiti dari Akademi Pengajian Bahasa (APB) UiTM CPP telah menghadiri Bengkel Perancangan Strategik UiTM CPP 2024 yang bertempat di ILD Kg. Gajah, Perak. Bengkel ini merupakan aktiviti tahunan dalam usaha untuk menyusun arah tuju dan inisiatif UiTM CPP dalam memenuhi indeks pencapaian prestasi (KPI) yang diberikan.



Sesi pada hari pertama memberi fokus pada pembentangan indeks pencapaian prestasi bagi tahun lalu. APB UiTM CPP telah mencapai pencapaian yang membanggakan apabila disenaraikan sebagai jabatan paling cemerlang di peringkat UiTM CPP untuk tahun 2023, dengan peratus indeks pencapaian prestasi sebanyak 87.8%. Kejayaan ini bukanlah sesuatu yang mudah, namun ia adalah hasil dari kerjasama, komitmen dan dedikasi tinggi para pensyarah APB. Semoga APB dapat terus mengekalkan momentum ini untuk tahun 2024 dan seterusnya.

Seterusnya, peserta bengkel diberi taklimat berkenaan indeks pencapaian prestasi baharu untuk tahun 2024. Secara ringkasnya, terdapat beberapa KPI baharu yang diperkenalkan tahun ini, antaranya:

- Projek Keceriaan Kampus.
- “Zero Poverty Programme”.
- Bilangan pendaftaran “MyAlumni UiTM Virtual Card”.
- Inisiatif pemerkasaan Usaha, Taqwa, Mulia.



Peserta bengkel kemudiannya dibahagikan kepada empat kumpulan yang mewakili peneraju perancangan strategik UiTM CPP: Pendaftar, HEP, HEA dan PJIM&A. Tujuan utama kumpulan-kumpulan ini adalah untuk membincangkan secara teliti strategi dan sinergi yang boleh dilakukan pada tahun ini dalam usaha mencapai petunjuk prestasi yang diberikan. Kedua-dua wakil APB telah dimasukkan dalam kumpulan HEP.

Sesi pada hari kedua diisi dengan majlis perasmian oleh Rektor UiTM CPP, Prof. Ir. Dr. Hj. Ahmad Rashidy Razali. Program diteruskan dengan sesi pembentangan oleh kumpulan-kumpulan peneraju perancangan strategik UiTM CPP. Pembentangan yang dijalankan mencerminkan komitmen UiTM CPP dalam mencapai visi dan misi institusi melalui perancangan strategik yang efektif.

Secara kesimpulannya, Bengkel Perancangan Strategik UiTM CPP 2024 telah berlangsung dengan lancar dan memberikan peluang yang berharga untuk perbincangan, sinergi dan kolaborasi antara staf dari pelbagai jabatan dan fakulti. Dengan 26 KPI yang diberikan kepada APB UiTM CPP untuk tahun 2024, kerjasama dan usaha gigih dari semua staf APB adalah amat diharapkan. Semoga setiap usaha yang kita lakukan akan membawa kepada pencapaian yang lebih gemilang lagi. Bersama kita bina kredibiliti UiTM CPP sebagai universiti terkemuka di peringkat global.

